

TARIKH	14 / 11 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	54	RUANGAN	BISNES

Kuala Lumpur: Syarikat Takaful Malaysia Bhd (Takaful Malaysia) menyasarkan pertumbuhan premium kasar sebanyak 20 peratus tahun depan daripada RM1.3 bilion ketika ini bersandarkan perkembangan penguasaan pasaran takaful di Malaysia antara 20 dan 30 peratus setahun.

Pertumbuhan penguasaan pasaran industri takaful domestik juga memberi kesan positif kepada perkembangan pelanggannya tahun depan antara 20 dan 30 peratus berbanding 1.2 juta pelanggan Takaful Malaysia ketika ini.

Pengarah Urusan Kumpulannya Datuk Hassan Kamil berkata, pertumbuhan premium kasar dan pelanggan itu juga akan dipacu oleh pengenalan kempen Terima 15 Peratus Pulangan Tunai, Jika Tiada Tuntutan.

FAKTA
Takaful Malaysia menawarkan pertumbuhan lima peratus pulangan tunai untuk produk bukan motor

Takaful Malaysia sasar pertumbuhan 20%



HASSAN (kanan) bersama Pengurus Besar Stor Tesco Extra Mutiara Damansara S. Kumaran pada majlis Takaful Malaysia Mengedukai Pelanggan Melalui Kolaborasi Bersama Tesco Stores Malaysia.

Beliau berkata, kempen itu yang berlangsung pada November hingga Februari 2014 adalah per-

tama kali ditawarkan oleh syarikat takaful yang mana jika pelanggan tidak membuat sebarang tuntutan insurans dalam tempoh seta-

hun perlindungan.

"Ini adalah tawaran yang tidak pernah dibuat oleh mana-mana syarikat insurans dan kami optimis ia

akan menarik pelanggan baru untuk menggunakan perkhidmatan perlindungan Takaful Malaysia, sekali gus dapat mencapai pertumbuhan 20 hingga 30 peratus pelanggan tahun depan.

"Tambahan, kerjasama dengan pusat membeli belah Tesco Store Malaysia (TESCO) dengan mempromosikan kempen ini dalam kalangan pelanggannya memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai tawaran berkenaan," katanya pada majlis pelancaran kempen berkenaan dengan bekerjasama dengan Tesco, di sini, semalam.

Hassan berkata, tahun ini pihaknya menawarkan pertumbuhan lima peratus pulangan tunai untuk produk bukan motor dan ditawarkan kepada sijil yang akan tamat penghujung tahun ini.